

KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA



KAD LAPORAN

**PELAN INDUK
PEMBANGUNAN PENDIDIKAN
2006 - 2010**

APRIL 2008

LAPORAN KEMAJUAN PELAN INDUK PEMBANGUNAN PENDIDIKAN 2006 – 2010 SEHINGGA DISEMBER 2007

TUJUAN

1. Laporan ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai:
 - i) pencapaian tahun pertama pelaksanaan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006 -2010; dan
 - ii) pelaksanaan pembangunan infrastruktur dalam Rancangan Malaysia Ke-9.

LATAR BELAKANG

2. Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010 telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 16 Januari 2007 dengan memberi penekanan kepada enam teras utama, iaitu;
 - i) membina negara bangsa
 - ii) membangunkan modal insan
 - iii) memperkasakan sekolah kebangsaan
 - iv) merapatkan jurang pendidikan
 - v) memartabatkan profesion keguruan, dan
 - vi) melonjakkan kecemerlangan institusi pendidikan.

3. Bagi melaksanakan keenam-enam teras PIPP ini, dua pendekatan utama telah digunakan;

- i) menyelesaikan tugas yang belum selesai, iaitu memastikan akses terhadap pendidikan dan menyamaratakan medan persaingan di kalangan pelajar, dan
- ii) melonjakkan tahap kecemerlangan institusi yang telah bersedia ke suatu tahap yang lebih tinggi lagi agar dapat mengangkat imej sistem pendidikan negara di mata dunia.

4. Laporan pencapaian pelaksanaan PIPP sehingga Jun 2007 telah dilaporkan melalui Kad Laporan Pertama yang diumumkan pada 3 Julai 2007. Berbeza dengan Kad Laporan Pertama, Kad Laporan Kedua ini lebih menyeluruh dengan membentangkan pencapaian projek/program pendidikan daripada aspek pencapaian pelan-pelan tindakan serta indikator prestasi utama (KPI) yang telah dikenal pasti di bawah keenam-enam teras PIPP.

PENCAPAIAN PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAN PERBELANJAAN PERUNTUKAN SEHINGGA DISEMBER 2007

5. Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) menerima peruntukan dengan siling RM23.198 bilion bagi melaksanakan sebanyak 17,356 projek/program yang dirancang dalam RMKe-9. Sehingga Disember 2007, daripada kesemua projek/program yang dirancang, sebanyak

10,045 projek/program pembangunan termasuk Program Berimpak Tinggi (HIPs) bernilai RM22.358 bilion dalam pelbagai peringkat pelaksanaan telah dijalankan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 2,493 projek/program bernilai RM2.835 bilion telah siap sepenuhnya. Manakala 3,023 projek bernilai RM6.881 bilion sedang dalam pembinaan. Sementara itu, sebanyak 4,529 projek bernilai RM12.264 bilion berada dalam peringkat prabina.

6. Dari segi prestasi perbelanjaan pula, sehingga Disember 2007 sebanyak RM2.73 bilion (90.8%) daripada RM3.01 bilion yang diperuntukkan untuk tahun 2007 di bawah Perbelanjaan Pembangunan telah dibelanjakan. Selain itu, KPM juga telah membelanjakan sebanyak RM22.07 bilion (96.70%) daripada RM22.82 bilion peruntukan mengurus secara keseluruhan.

7. Selain projek baru, daripada siling peruntukan RMKe-9, KPM telah memperuntukkan sejumlah RM2.15 bilion untuk projek sambungan dan projek sakit dalam RMKe-8. Dalam tempoh RMKe-8, sebanyak 25,646 projek bernilai RM22.185 bilion telah dilaksanakan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 248 (3.7%) dikategorikan sebagai projek sakit, iaitu sebanyak 160 (64.2%) merupakan projek makmal komputer dan selebihnya projek sekolah dan kuarters guru. Sehingga Disember 2007, sebanyak 246 (99.2%) projek sakit telah siap kecuali dua projek masih dalam pembinaan iaitu Kuarters Institusi Pendidikan (KIP) Simpang Empat, Sanglang, Perlis dan KIP Beserah, Pahang. KIP Simpang Empat dijangka siap

pada akhir Jun 2008 dan KIP Beserah pada Disember 2008. Bagi memastikan projek sakit ini dapat disempurnakan, KPM telah mengambil langkah-langkah berikut:

- i) memilih tapak yang bersesuaian
- ii) memastikan brif projek mendapat kelulusan Jawatankuasa Piawaian dan Kos
- iii) menyediakan lukisan reka bentuk mengikut brif dan mematuhi syarat Pihak Berkuasa Tempatan serta kehendak Jawatankuasa Piawaian dan Kos, dan
- iv) memastikan pemilihan kontraktor yang berwibawa.

PRESTASI PENCAPAIAN PROGRAM-PROGRAM PENDIDIKAN TERAS PIPP

8. Bagi mengukur kejayaan pelaksanaan PIPP, KPM telah mengenal pasti pelan-pelan tindakan yang perlu dilaksanakan bagi setiap teras berdasarkan tahun pelaksanaannya. Bagi tempoh PIPP (2006-2010), sebanyak 320 pelan tindakan telah dirancang dalam kesemua teras PIPP. Sehingga Disember 2007, sebanyak 157 (49.06%) pelan tindakan telah mencapai sasaran. Daripada jumlah tersebut, 78 merupakan pelan tindakan yang disasarkan untuk dicapai bagi tahun 2008, 2009 dan 2010.

9. Pengenalan PIPP 2006 – 2010 dengan KPI serta pelan tindakan yang ditetapkan telah menyumbang kepada peningkatan sistem penyampaian serta tadbir urus di KPM. KPM telah

mencatatkan prestasi yang membanggakan berdasarkan Laporan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) berkaitan penilaian Sistem *Star Rating* (SSR). Daripada 28 kementerian yang dinilai, KPM telah memperoleh penggredan tertinggi dan menduduki tangga teratas dengan markah 86.63 peratus dan mendapat penarafan 4 Bintang.

Merapatkan Jurang Pendidikan

10. Walaupun banyak kejayaan telah dicapai dalam bidang pendidikan, namun dengan cabaran dan keperluan baru, jurang pendidikan terus wujud akibat perbezaan lokasi, tahap sosioekonomi dan tahap keupayaan murid. Dalam teras ini lebih tumpuan diberikan terhadap pendidikan kanak-kanak di luar bandar dan pedalaman terutamanya di Sabah dan Sarawak. Bagi memastikan kejayaan pelaksanaan kesemua projek di bawah teras ini, KPM telah bekerjasama dengan *National Implementation Task Force* (NITF). Penekanan telah diberikan bagi membangunkan infrastruktur asas terutamanya projek bekalan air dan elektrik. Sehingga akhir Disember 2007, kesemua 300 projek bagi bekalan air bersih telah siap dan dapat dimanfaatkan oleh 120,000 orang murid. Berdasarkan perancangan sebanyak 728 buah sekolah dijadualkan untuk mendapat bekalan elektrik 24 jam di akhir tempoh RMKe-9. Sehingga kini, KPM telah berjaya menyediakan bekalan eletrik 24 jam kepada 432 buah sekolah (100%) di Sarawak. Manakala di Sabah, sebanyak 256 buah sekolah dirancang untuk menggunakan Sistem Solar Hibrid. Penggunaan solar hibrid telah

dirintis di 12 buah sekolah di Kalabakan, Tawau dan didapati sesuai untuk peluasan ke seluruh Sabah. Pada waktu yang sama di Semenanjung Malaysia, sebanyak 40 (100%) projek bekalan elektrik 24 jam telah siap dilaksanakan.

11. Bagi memastikan akses terhadap pendidikan, KPM sedang membina 101 sekolah rendah dan 551 sekolah menengah baru di kawasan luar bandar dan pedalaman seluruh negara. Sebanyak 2044 sekolah rendah sedang dalam perancangan untuk pembinaan dan ubah suai naik taraf. Sebanyak dua sekolah rendah telah siap diubah suai dan dinaiktarafkan sepenuhnya. Bagi sekolah menengah pula, daripada 569 projek ubah suai dan naik taraf, sebanyak 38 projek sedang dibina dan bakinya masih dalam perancangan. Dalam usaha menangani masalah sekolah kurang murid di kawasan pedalaman, KPM juga akan merintis pembinaan sekolah kabin sebagai alternatif kepada sekolah-sekolah konvensional. Sehingga kini, KPM telah pun mengadakan perbincangan akhir dengan syarikat-syarikat bagi melaksanakan program ini.

12. Sehingga Disember 2007, sebuah daripada 281 projek asrama baru sedang dibina, manakala selebihnya masih dalam peringkat prabina. Bagi menjaga kebajikan guru terutama di kawasan luar bandar dan pedalaman, KPM telah siap membina sebanyak 3 projek rumah guru, satu projek masih sedang dibina dan sebanyak 534 dalam peringkat prabina.

13. Daripada 2257 buah makmal komputer pula, 300 telah siap dan 444 sedang dibina. Daripada 3600 projek Pusat Akses, 3025 telah siap dan selebihnya masih dalam peringkat perancangan. Dengan siapnya projek-projek ini, sebanyak 342,300 orang murid lagi di kawasan luar bandar akan mendapat akses kepada penggunaan komputer dan internet.

14. Bagi memastikan kualiti pendidikan di kawasan pedalaman terus terjamin, KPM telah berjaya mendapat kelulusan pemberian Elaun Khas Mengikut Lokasi dan Tahap Kesusahan (EKMLTK) pada Mei 2007 untuk guru pedalaman sebanyak RM500, RM1,000 dan RM1,500 sebulan mengikut lokasi dan tahap kesukaran. Pemberian elaun tersebut melibatkan peruntukan sebanyak RM9.09 juta dan memberi manfaat kepada 12,035 guru dan Anggota Kumpulan Sokongan. Tinjauan awal menunjukkan permohonan guru untuk keluar dari kawasan pedalaman semakin kurang dan lebih bersedia untuk berkhidmat di kawasan tersebut. Selain itu, bagi memastikan bekalan guru terlatih mencukupi di pedalaman, KPM telah merintis Program Latihan Perguruan Guru Sekolah Pedalaman (LPGSP) di Institut Perguruan Sarawak, Miri dan Institut Perguruan Keningau, Sabah.

15. KPM mendapati tahap kesediaan bersekolah masih rendah di kawasan luar bandar, pedalaman dan di kalangan kanak-kanak Orang Asli dan Penan. Atas dapatan ini, pada tahun 2007, KPM telah menambah sebanyak 1,012 kelas prasekolah untuk menempatkan 25,300 murid khususnya di kawasan pedalaman

Sabah dan Sarawak. KPM juga telah mengadakan guru prasekolah terlatih yang mencukupi, menambah bilangan komputer daripada dua kepada lima unit setiap kelas dan menyediakan perisian kurikulum prasekolah yang sesuai. Selain itu, pada tahun 2008, KPM juga telah memperuntukkan sebanyak RM50 juta untuk Bantuan Makan Khas Prasekolah.

16. KPM juga memberi perhatian khusus kepada pendidikan Orang Asli dan Penan kerana kadar penyertaan dan penguasaan 3M di kalangan mereka masih rendah. Bagi mengurangkan jurang pendidikan, program khusus bagi 30,600 kanak-kanak Orang Asli dan Penan di 93 buah sekolah Orang Asli dan enam buah sekolah Penan telah disediakan. Sekolah Model Khas juga telah dibina di SK Long Bedian, Miri, Sarawak dan SK Paloh Inai, Pahang. Sekolah-sekolah ini menggunakan konsep Konvensional 9 (K9) yang menggabungkan enam tahun pendidikan rendah dan tiga tahun pendidikan menengah rendah dalam satu premis. Tujuan konsep ini diperkenalkan adalah untuk memastikan semua kanak-kanak Orang Asli dan Penan dapat meneruskan pendidikan sehingga peringkat menengah. Kemudahan asrama yang lengkap juga disediakan di sekolah-sekolah tersebut.

17. Bagi memastikan pendidikan dan kebajikan anak-anak pekerja ladang di seluruh negara terbela, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 13 Februari 2008 telah memutuskan agar satu tabung kewangan ditubuhkan khusus untuk tujuan ini. Kementerian Pelajaran dan Kementerian Industri Perladangan dan Komoditi (KPPK) telah

bersetuju untuk menubuhkan tabung tersebut dengan bantuan kewangan hasil sumbangan daripada Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) di seluruh negara. Dianggarkan hampir 85,000 orang anak pekerja ladang di seluruh negara akan mendapat manfaat daripada tabung ini. Mekanisme pemberian bantuan ini sama seperti pemberian bantuan-bantuan lain yang dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran. Selain itu, Mesyuarat Jemaah Menteri juga telah memutuskan agar kanak-kanak yang tidak mempunyai sijil kelahiran terutamanya di kawasan ladang dibenarkan untuk bersekolah dengan syarat ibu bapa kanak-kanak tersebut mendapat surat pengesahan kewarganegaraan daripada Ketua Kampung atau Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK) di kawasan masing-masing.

18. Sebagai langkah untuk memastikan murid daripada keluarga miskin mendapat makanan dan nutrisi yang mencukupi, KPM telah memperkenalkan program Rancangan Makanan Tambahan (RMT) pada tahun 1979. Pada Februari 2007, KPM telah kelulusan meningkatkan kadar RMT daripada RM1.20 kepada RM1.80 di Semenanjung Malaysia dan daripada RM1.35 kepada RM2.05 di Sabah dan Sarawak. Pada 2007, KPM telah membelanjakan sebanyak RM234 juta untuk RMT dan RM23.9 juta untuk Projek Susu Sekolah (PSS) yang telah memberi manfaat kepada lebih 550,000 orang murid. Bagi memastikan tiada lagi berlakunya isu-isu berkaitan susu dan keracunan makanan, KPM akan menggunakan pendekatan dan mekanisme baru penyediaan makanan dan penyimpanan susu supaya lebih selamat.

19. Selain kadar bantuan RMT, kadar bantuan makanan asrama juga telah dinaikkan daripada RM6.70 kepada RM12.00 di Semenanjung Malaysia, daripada RM4.15 kepada RM12.00 hingga RM13.00 di Sabah dan daripada RM9.19 kepada RM12.00 hingga RM13.00 di Sarawak. Peruntukan kadar makanan mentah di Sarawak juga telah dinaikkan daripada RM4.00 kepada RM7.11. Berikutan peningkatan kadar bantuan makanan ini, jumlah perbelanjaan KPM untuk bantuan makanan sahaja di pada tahun 2007 sebanyak RM665 juta.

20. Pada tahun 2007, KPM juga telah membelanjakan sebanyak RM9.1 juta untuk Bantuan Perjalanan dan Pengangkutan Murid bagi dimanfaatkan 250,000 orang murid yang tinggal di asrama harian. Selain itu, sebanyak RM200 juta telah diperuntukkan untuk Tabung Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM). Melalui tabung ini, sebanyak 429,963 orang murid sekolah rendah dan 7841 orang murid sekolah menengah telah mendapat Bantuan Persekolahan. Manakala sebanyak 252,065 orang murid sekolah rendah dan 4498 orang murid sekolah menengah telah menerima Bantuan Am. (Senarai penuh bantuan untuk tahun 2008 dalam **Lampiran 1**)

21. Mulai tahun 2007, YAB Perdana Menteri telah mengecualikan semua murid daripada membayar bayaran Yuran Peperiksaan Awam iaitu UPSR, PMR, SPM, STPM dan STAM sebagai langkah tambahan untuk meringankan beban rakyat. Selain itu, mulai tahun 2008, YAB Perdana Menteri juga telah memansuhkan yuran khas sekolah sebanyak RM4.50 pada peringkat rendah dan RM9.00 pada

peringkat menengah. Berikutan langkah pemansuhan yuran peperiksaan awam ini, KPM telah pun membelanjakan sebanyak RM93.5 juta untuk yuran peperiksaan UPSR, PMR dan SPM yang memberi manfaat kepada lebih 1.3 juta murid. Manakala sebanyak RM12.87 juta telah dibelanjakan untuk peperiksaan STPM yang memberi manfaat kepada 55 ribu murid. KPM akan menanggung peruntukan sebanyak RM255juta bagi pemansuhan yuran peperiksaan awam dan RM36.7 juta bagi pemansuhan yuran sekolah.

22. KPM juga telah memperluaskan Skim Bantuan Pinjaman Buku Teks kepada semua murid tanpa mengira bangsa dan latar belakang sosioekonomi keluarga. Dengan perluasan SPBT ini, kerajaan telah membelanjakan RM 300 juta. Kerajaan juga telah membelanjakan peruntukan tambahan sebanyak RM5.3 juta bagi menggantikan buku teks yang telah musnah semasa banjir pada tahun 2007. Agihan peruntukan untuk SK sebanyak RM2.8 juta, SJKC sebanyak RM495 ribu, SJKT sebanyak RM188 ribu. Manakala untuk sekolah menengah sebanyak RM1.8 juta.

23. Di samping itu, satu lagi bantuan baru telah diperkenalkan mulai tahun 2008, iaitu Elaun Pakaian Seragam Unit Beruniform kepada murid sekolah rendah dan menengah daripada keluarga berpendapatan rendah bagi membolehkan mereka mengikuti program kokurikulum dengan lebih sempurna. Peruntukan untuk elaun ini adalah sebanyak RM 188.8 juta yang melibatkan 1,038,000

murid di Tahap Dua sekolah rendah dan 850,000 pelajar di sekolah menengah.

Memartabatkan Profesion Keguruan

23. KPM sentiasa berusaha memartabatkan profesion keguruan bagi memastikan profesion ini kekal dihormati bersesuaian dengan peranan penting guru dalam pembangunan modal insan dan pembinaan generasi masa depan. Tiga komponen utama yang diberi penekanan dalam teras ini ialah kualiti, kerjaya dan kebajikan guru. Dalam aspek kualiti, KPM telah memantapkan program pra perkhidmatan dan dalam perkhidmatan dengan memperketat syarat-syarat kemasukan ke IPG serta pemberian biasiswa kepada calon guru di Institut Pengajian Tinggi Awam. Antara syarat kelayakan minimum calon guru adalah memperoleh keputusan Purata Nilai Gred Terkumpul (PNGK) 2.75 dan ke atas serta penglibatan aktif dalam aktiviti kokurikulum.

23. Bagi meningkatkan profesionalisme guru, sebanyak 417,447 guru telah pun mengikuti Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) anjuran KPM. Tujuan utama LDP adalah untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran, nilai dan amalan profesional keguruan. Selain itu, Program Pengantarabangsaan Latihan Perguruan juga telah diperkenalkan bagi meningkatkan kualiti latihan perguruan di IPG serta mendapat pengiktirafan antarabangsa. Selain penambahan jumlah penghantaran pelajar Program B.Ed TESL, program-program baru yang telah dan akan dilaksanakan adalah

seperti Program Bersama *Beijing Foreign Studies University* dalam Bahasa Cina sebagai Bahasa Kedua dan Program Kolaborasi Sarjana Muda Pengajaran Sekolah Rendah yang melibatkan kerjasama dengan sembilan buah universiti luar negara. Selain itu, KPM juga telah merintis kerjasama dengan *University Franche-Comte*, Perancis untuk Program Bahasa Perancis.

24. Lulusan kerjaya guru juga diberi keutamaan dengan meningkatkan kuota Pengetua dan Guru Cemerlang melalui peluasan Skim Pengetua Cemerlang, Guru Cemerlang dan pewujudan skim baru Guru Besar Cemerlang. Sehingga Disember 2007, sebanyak 2,866 guru dalam perkhidmatan telah dipilih mengisi kuota dalam pelbagai gred bermula daripada DG32 hingga JUSA C. Manakala sebanyak 3,595 guru sedang dalam proses akhir pelantikan untuk mengisi kuota keseluruhan berjumlah 11,684.

25. Bagi mengatasi masalah yang dialami oleh guru di kawasan luar bandar dan pedalaman, KPM juga telah memperkenalkan dua elaun khusus untuk guru-guru tersebut iaitu EKMLTK dan juga Elaun Balik Kampung. Selain itu, pada tahun 2007, KPM telah berjaya meningkatkan elaun guru pendidikan khas kepada RM250 berbanding RM100 pada tahun-tahun sebelumnya. KPM juga telah mewujudkan jawatan guru pemulihan di semua sekolah termasuk sekolah kurang murid. Manakala norma perjawatan guru mula dilaksanakan mengikut nisbah 1.7n di sekolah menengah dan rendah mulai tahun 2007 bagi menangani isu beban kerja guru.

Membina Negara Bangsa

26. Pelbagai usaha telah dilaksanakan untuk meningkatkan jati diri, perasaan sayang terhadap kesenian dan warisan bangsa, semangat patriotisme dan perpaduan di kalangan anak-anak. Pada tahun 2007, langkah untuk memperkasakan Bahasa Malaysia telah dibuat melalui usaha meminda Akta Dewan Bahasa dan Pustaka (1959) agar penggunaan Bahasa Malaysia dengan betul dapat dipantau dan dikuatkuasakan. Selain itu, KPM telah meningkatkan lagi kualiti penerbitan dan penterjemahan buku-buku Bahasa Malaysia serta menyemarakkan aktiviti promosi cintakan Bahasa Malaysia menerusi pelbagai program dan aktiviti termasuk program Bulan Membaca dan Bulan Bahasa dan Sastera Negara dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan KeKKWa.

27. Bagi memupuk semangat patriotisme yang lebih mantap dan terarah dalam kalangan rakyat Malaysia, KPM telah bekerjasama dengan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) dan Biro Tata Negara (BTN) dalam menyediakan Memorandum Jemaah Menteri bagi menubuhkan Majlis Patriotisme Negara. Selain itu, sehingga Disember 2007, sebanyak 100 buah sekolah rendah dan 250 buah sekolah menengah telah menubuhkan Kelab Rukun Negara dengan bilangan murid sebanyak 100 ribu orang. Pada masa ini juga, setiap Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) telah menubuhkan sebuah Kelab Rukun Negara masing-masing. Sebanyak 600 aktiviti ceramah, syarahan dan perbahasan telah

dilaksanakan berbanding 550 aktiviti pada tahun 2006 dari peringkat sekolah hingga peringkat kebangsaan bagi mengupas pengetahuan tentang inti pati Perlembagaan Negara.

28. Bagi memupuk perpaduan dalam kalangan anak-anak di sekolah yang berlainan aliran, KPM telah memperkukuh dan menyegarkan lagi pelaksanaan program Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP). KPM telah menubuhkan Sekretariat dan Jawatankuasa Peringkat Kebangsaan, Sekretariat Tetap RIMUP dan Jawatankuasa RIMUP peringkat negeri, daerah dan sekolah bagi pelaksanaan yang berkesan dan menyeluruh di setiap peringkat. Program ini telah diperkukuhkan lagi berikutan keputusan Jemaah Menteri pada Januari 2007 yang meluluskan peruntukan tambahan sebanyak RM25.8 juta bagi pelaksanaan program RIMUP dan e-integrasi. Di sepanjang tahun 2007, sebanyak 1,387 kelompok sekolah rendah, iaitu yang terdiri daripada 7,563 buah sekolah dan melibatkan seramai 1,951,551 orang murid telah melaksanakan Program RIMUP. Bagi tempoh yang sama, 540 kelompok sekolah menengah, iaitu yang terdiri daripada 1,976 buah sekolah dan melibatkan seramai 1,569,460 orang murid turut terlibat melaksanakan RIMUP. (Perincian dalam **Lampiran 2**).

29. Sebagai langkah untuk menjadikan program RIMUP lebih segar, berorientasi teknologi dan menyeronokkan, KPM juga telah menerapkan elemen baru seperti pertandingan *F1 In Schools* dan Robotik dalam pelaksanaannya. Sebagai permulaan, sebanyak 17 pasukan *F1 In Schools* dan 40 pasukan Robotik yang terdiri

daripada gabungan murid dari sekolah pelbagai jenis dan aliran di seluruh negara telah menyertai pertandingan *F1 in Schools* dan Robotik yang diadakan semasa Khemah Perpaduan dan Integrasi Pemimpin Murid pada Ogos 2007.

30. Bagi memastikan bakat dan kebolehan murid dalam kesenian dipupuk sepenuhnya, KPM telah pun memulakan operasi dua buah Sekolah Seni di Johor dan Sarawak dengan pengambilan pertama sebanyak 200 murid Tingkatan 1. Sekolah Seni yang ditubuhkan ini memberi penekanan kepada Pendidikan Seni Visual, Seni Muzik, Seni Teater dan Seni Tari. Penggubalan kurikulum kedua-dua Sekolah Seni ini dibuat setelah mendapat input daripada pelbagai pihak seperti KeKKWA dan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, khususnya Universiti Teknologi MARA. Sebuah Jawatankuasa Bersama KPM-KeKKWA juga telah dibentuk bagi menyemarakkan lagi kegiatan kebudayaan dan kesenian di sekolah serta memperkasakan sekolah seni.

31. Selain usaha memperteguh jati diri, semangat patriotisme dan perpaduan, KPM juga telah berusaha mempertingkatkan kefahaman serta penghayatan semua murid dan guru mengenai pendekatan Islam Hadhari melalui pelbagai kaedah. KPM telah menganjurkan Seminar Islam Hadhari Merentas Kurikulum pada September 2007 dan menerbitkan risalah berkaitan Islam Hadhari serta buku panduan pengajaran dan pembelajaran berkaitan Islam Hadhari untuk murid Tingkatan 1 hingga 5. Selain itu, aktiviti-aktiviti penghayatan kerohanian juga telah diadakan sepanjang tahun 2007

seperti Sambutan Maal Hijrah, Ihya Ramadhan dan Israk Mikraj yang melibatkan 8250 orang murid Islam.

Membangunkan Modal Insan

32. KPM telah melaksanakan pelbagai program ke arah membangunkan modal insan yang lebih seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek serta mampu menjadi tenaga kerja terlatih dan berdaya saing di dalam negara dan di peringkat antarabangsa. Bagi memastikan hasrat ini tercapai, KPM telah memperkukuhkan program serta aliran pendidikan sedia ada, selain merintis pembaharuan dalam bidang-bidang kritikal seperti pentaksiran, kurikulum dan pendidikan teknik dan vokasional.

33. Bagi memantapkan aliran kemahiran, mulai tahun 2007, KPM telah menawarkan 22 mata pelajaran vokasional (MPV) dengan memperluaskannya kepada 106 buah sekolah menengah harian serta pembinaan sebanyak 624 bengkel. Selain itu, dalam usaha memantapkan pendidikan teknikal dan vokasional, KPM telah menjalin kerjasama dengan pihak industri, badan-badan profesional seperti ACCA serta pihak-pihak berkepentingan yang lain.

34. Bagi meningkatkan kecemerlangan Sekolah Agama Rakyat (SAR) dan Sekolah Agama Negeri (SAN), KPM telah menawarkan agar kedua-dua jenis sekolah ini didaftarkan sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Status SABK membolehkan sekolah-sekolah ini menerima pelbagai kemudahan seperti sekolah

bantuan kerajaan yang lain, iaitu seperti guru terlatih, emolumen, geran per kapita dan peruntukan pengurusan. Sehingga Disember 2007, KPM telah berjaya mendaftarkan 119 (31.3%) daripada 381 SAR dan SAN sebagai SABK. Sebanyak 135 SAR/SAN masih dalam proses permohonan dan perundingan akhir Memorandum Persefahaman (MoU). Pendaftaran sebagai SABK membolehkan seramai 32,254 orang murid dan 1498 orang guru menerima manfaat dan pembelaan sama seperti murid dan guru dari sekolah bantuan kerajaan yang lain.

35. KPM juga telah menempatkan semula sembilan buah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) di kawasan yang padat dengan masyarakat Cina serta meluluskan permohonan dua buah SJKC baru iaitu SJKC Tun Tan Siew Sin di Selangor dan SJKC Kulai 2 di Johor. (Perincian pada **Lampiran 3**). KPM juga telah meluluskan pembinaan SJKT Paya Lunas di Kedah. Sepanjang tempoh 2006 hingga 2007, KPM telah mengeluarkan peruntukan belanja mengurus untuk SJKC sebanyak RM2.27 bilion dan RM923 juta untuk SJKT. Bagi tahun 2007, KPM telah pun mengeluarkan peruntukan pembangunan sebanyak RM174.3 juta untuk SJKC dan RM 64.8 juta untuk SJKT. Sejak RMKe-9 bermula sehingga Disember 2007, KPM telah mengeluarkan peruntukan pembangunan sebanyak RM23.5juta kepada 454 buah SJKC bantuan modal dan RM12.9juta untuk 172 buah SJKT bantuan modal. Selain itu, KPM telah mengeluarkan peruntukan sebanyak RM147.5 juta untuk menaik taraf sekolah-sekolah agama yang telah mendaftar sebagai SABK.

36. Pada awal tahun 2008, kerajaan telah meluluskan pembinaan 6 buah SJKC baru dan perpindahan 13 buah SJKC sedia ada ke tapak baru. Selain itu, tiga buah SJKT iaitu SJKT Ladang Pamol, Kluang, Johor; SJKT Seafield, Subang, Selangor; dan SJKT Ladang Batu Kawan, Pulau Pinang telah ditukar status daripada sekolah bantuan modal kepada sekolah bantuan penuh. KPM juga telah meluluskan peruntukan tambahan sebanyak RM3juta untuk SJKT dan meluluskan pembinaan sebuah SJKT baru di Lunas, Kedah. Selain itu, Kerajaan telah bersetuju untuk memberi peruntukan khas RM15juta untuk 174 buah sekolah pelbagai aliran di negeri Sarawak.

37. Bagi mengurangkan dan menangani masalah disiplin dan gejala sosial di kalangan murid sekolah, KPM telah menubuhkan Jawatankuasa Induk Menangani Gejala Disiplin Murid dan Sekretariat Tetap yang dipengerusikan oleh Y.B. Dato' Noh Omar. Hasilnya kes-kes disiplin dan salah laku telah berkurangan daripada 2.13 peratus pada tahun 2006 kepada 2.10 peratus pada tahun 2007. Penglibatan murid dalam kes jenayah, disiplin dan salah laku telah juga berkurangan daripada 0.03 peratus pada tahun 2006 kepada 0.02 peratus sehingga Disember 2007. KPM juga telah berjaya menubuhkan Pasukan Petugas Anti Ponteng Sekolah Daerah di semua PPD yang menyumbang kepada penurunan bilangan kes ponteng daripada 24,227 (0.47%) kepada 21,134 (0.39%). (Rujuk **Lampiran 4**) KPM juga telah melaksanakan secara rintis program e-disiplin di 13 buah sekolah menengah di seluruh negara dan laporan awal mendapati program ini berjaya

menurunkan 100 peratus kes disiplin dari bulan Julai hingga Oktober 2007 di sembilan buah sekolah yang dirintis.

38. KPM juga telah memberikan pengukuhan kepada program 3K dengan pewujudan Jawatankuasa Induk 3K yang dipengerusikan oleh Y.B. Dato' Hon Choon Kim bagi menangani masalah yang berkaitan dengan keselamatan murid, keselamatan fizikal sekolah dan asrama, sosial/persekitaran, bencana alam serta lokasi sekolah. Pada tahun 2007, sebanyak 59 peratus sekolah rendah dan menengah telah melepasi tahap penarafan 3K yang menunjukkan bahawa sekolah ini telah dapat menyediakan dan melaksanakan 80 peratus perkara yang terdapat dalam Instrumen Pemastian 3K.

39. Dalam usaha meningkatkan keupayaan dan kemahiran murid dalam bidang ICT, KPM juga telah menyediakan pelbagai program khusus. Mata pelajaran Literasi ICT (ICTL) telah diwajibkan kepada murid Tahap 1 sekolah rendah dan murid Tingkatan 1 dan 2 sekolah menengah yang mempunyai kemudahan makmal komputer. Sehingga Disember 2007, sebanyak 5631 buah sekolah rendah telah menawarkan ICTL yang memberi manfaat kepada 1,123,427 murid di seluruh negara. Manakala sebanyak 1793 sekolah menengah telah menawarkan ICTL kepada 812,850 orang murid. Sebanyak 7500 orang guru telah mengikuti kursus asas penggunaan komputer dan 13,325 orang guru mengikuti kursus penggunaan komputer untuk pengajaran dan pembelajaran. Selain kemudahan makmal komputer, KPM juga telah berjaya membina sebanyak 3025 Pusat Akses di seluruh negara termasuk di kawasan

pedalaman. Jumlah ini melebihi sasaran 3000 yang dirancang dalam RMKe-9. Tujuan utama pembinaan Pusat Akses adalah untuk memantapkan kemahiran ICT murid terutamanya yang tinggal di kawasan luar bandar dan pedalaman.

40. Bagi meningkatkan kemahiran dan keterampilan dalam bidang bahasa Inggeris, KPM telah pun memperkukuhkan pelbagai aktiviti untuk murid dan guru. Sehingga Disember 2007, tujuh aktiviti bahasa Inggeris telah dilaksanakan, antaranya termasuklah *Story Telling, Action Song, Public Speaking, English Camp, debate, drama* dan *Choral Speaking*. Selain itu, bagi meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris murid sekolah rendah dan menengah, KPM telah pun berjaya memperkenalkan pelbagai program peningkatan penguasaan bahasa Inggeris, antaranya Program *Early Literacy Through English* (EliTE) dan Program Penutur Jati atau *District English Language Coordinator* (DELIC). Perincian program dalam **Lampiran 5.**

41. Mulai tahun 2006, Institut Pendidikan Guru (IPG) telah memperketat syarat kemasukan untuk Program Ijazah Sarjana Muda Pengajaran Bahasa Inggeris (B.Ed.TESL) dengan memastikan calon guru yang mendapat 5A peringkat SPM sahaja diterima mengikuti program ini. Selain itu, program pembangunan profesional untuk kemahiran berbahasa Inggeris, bilangan guru yang telah mengikuti Kursus *English For Teaching Mathematics and Science* (ETeMS) untuk guru yang mengajar Matematik dan Sains adalah sebanyak 122,541 orang. Selain itu, KPM juga

melaksanakan Kursus *English For Mathematics and Science* (EMS) kepada 57,970 orang guru yang kurang profisien dalam pengajaran Matematik dan Sains bagi meningkatkan penguasaan dan kemahiran bahasa Inggeris.

42. KPM akan melaksanakan Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan (SPPK) bagi meningkatkan kualiti murid dari segi bina upaya insan (*human capacity building*) dan sedang dirintis di 50 buah sekolah rendah. SPPK merangkumi;

- i) pentaksiran peringkat sekolah
- ii) pentaksiran berpusat
- iii) peperiksaan awam
- iv) ujian psikometrik dan
- v) pentaksiran aktiviti jasmani dan kokurikulum.

Sistem pentaksiran holistik ini memberi tumpuan kepada pemupukan nilai-nilai yang menyeluruh (*all-rounded values*) seperti nilai-nilai kreatif, inovatif, kritis, berdisiplin dan berakhlak mulia di kalangan murid. KPM juga sedang merintis pelbagai pembaharuan dalam sistem pendidikan seperti mengurangkan mata pelajaran yang boleh diambil oleh seseorang murid serta mengadakan jadual waktu yang lebih fleksibel bagi mengurangkan tumpuan kepada peperiksaan berpusat supaya sistem pendidikan tidak lagi terlalu berorientasikan peperiksaan.

43. KPM memberi peluang dan sokongan yang tinggi kepada semua murid bagi menyertai pelbagai program di peringkat kebangsaan dan antarabangsa dalam usaha membangunkan modal insan yang holistik dan cemerlang. Penyertaan Malaysia dalam pertandingan berasaskan akademik dan kokurikulum di peringkat antarabangsa juga amat membanggakan. Antaranya Malaysia telah menjadi johan keseluruhan 11th *World Primary Mathematics Contest*. Sementara itu, dua pelajar Malaysia telah memenangi pingat emas dalam pertandingan *International Competitions and Assessment for Schools (ICAS) 2007* yang disertai oleh 1.7 juta pelajar dari 100 buah negara. (Perincian di **Lampiran 6**).

44. Kejayaan murid-murid Malaysia dalam Sukan SEA 2007 di Korat, Thailand juga menunjukkan bahawa sistem pendidikan di Malaysia mampu melahirkan atlet sukan yang cemerlang di peringkat antarabangsa. Daripada 743 atlet ke sukan tersebut, sebanyak 107 (14.4%) ialah murid KPM dan mereka telah berjaya merangkul 25 pingat emas, 19 pingat perak dan 39 gangsa. Dua pelajar Sekolah Sukan Bukit Jalil juga telah melepasi ujian kelayakan bagi mewakili negara di Sukan Olimpik 2008 di Beijing.

Memperkasakan Sekolah Kebangsaan

45. Pelbagai usaha diteruskan bagi memperkasakan SK supaya mampu melahirkan modal insan seperti yang dihasratkan negara dan kekal sebagai aliran perdana. Sehingga kini, sebanyak 413

buah (7.14%) SK mempunyai bilangan murid bukan Melayu melebihi 20 peratus. Selain itu, sebanyak 1987 buah (20.5%) sekolah rendah dan menengah kebangsaan mempunyai Pengetua/Guru Besar bukan Melayu bagi menarik lebih ramai murid pelbagai kaum ke SK. Fasa 1 pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Cina (BC) telah dijalankan di 100 SK dan Bahasa Tamil (BT) di 70 SK di seluruh negara. Bilangan murid yang mengikuti mata pelajaran BC, adalah sebanyak 2889 orang yang terdiri daripada 1555 orang Melayu, 561 orang Cina, 214 orang India dan 559 orang kaum lain. Manakala bagi BT pula, sebanyak 492 orang murid yang terdiri daripada 165 orang Melayu, 7 orang Cina, 208 orang India dan 12 orang kaum lain.

46. Sehingga tahun 2007, sebanyak 10,109 orang guru telah dibekalkan ke 3703 SK yang menawarkan program j-QAF (Jawi, Al-Quran, Bahasa Arab dan Fardu Ain) yang melibatkan 644,419 murid. Objektif j-QAF adalah untuk memastikan semua murid sekolah rendah dapat i) menguasai bacaan dan tulisan jawi, ii) khatam Al-Quran sebelum tamat Tahun 6, iii) menguasai asas bahasa Arab dan iv) memantapkan dan menghayati amalan Fardhu Ain. Pada tahun 2007, sebanyak 2,560 murid telah berjaya khatam Al-Quran sebelum tamat Tahun 6 berbanding 1,800 murid pada tahun sebelumnya.

47. Program Pembestarian Sekolah juga merupakan salah satu usaha KPM dalam memperkasakan SK. Mulai tahun 2007, program pembestarian SK telah diperluaskan ke semua sekolah rendah dan

menengah di seluruh negara dengan memperkenalkan beberapa inisiatif baru serta mengoptimumkan inisiatif ICT sedia ada. Selain itu, usaha juga dijalankan untuk memantapkan dan menjenamakan semula 88 sekolah bestari. Antara inisiatif ICT yang dilaksanakan di sekolah termasuklah meningkatkan keupayaan Jalur Lebar daripada 1 Mbps kepada 4 Mbps, meluaskan akses *SchoolNet* kepada semua sekolah dan menyediakan TV Pendidikan Berasaskan Web. Bagi membantu mempercepatkan usaha pembestarian sekolah, KPM telah mengadakan perkongsian pintar dengan 13 syarikat swasta yang melibatkan sebanyak 549 sekolah sebagai sekolah angkat.

48. Bagi mengatasi masalah murid yang tidak menguasai 3M, KPM telah mengadakan pelbagai program intervensi termasuk Kelas Intervensi Awal Membaca dan Menulis (KIA2M), Program Tiga M (PROTIM), Program Bimbingan (PROBIM) dan kelas-kelas pemulihan serta kelas pemulihan inklusif (murid berkeperluan khas). Program KIA2M telah berjaya meningkatkan bilangan murid Tahun 1 yang menguasai kemahiran membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia iaitu daripada 60.1 peratus kepada hampir 90 peratus. Selain itu, sebagai persediaan untuk memasuki alam persekolahan, KPM juga telah memperluaskan program prasekolah terutama di kawasan luar bandar dan pedalaman. Pada tahun 2007, KPM telah pun berjaya membuka sebanyak 1322 kelas prasekolah di seluruh negara dan daripada jumlah tersebut, 1269 kelas terletak di kawasan luar bandar dan pedalaman. Program prasekolah KPM telah memberi manfaat kepada lebih kurang 33,050 murid.

Melonjakkan Kecemerlangan Institusi Pendidikan

49. Melonjakkan kecemerlangan institusi pendidikan merupakan pendekatan baru yang diperkenalkan oleh KPM supaya sekolah-sekolah yang telah cemerlang dapat terus meningkatkan kecemerlangan. Sekolah cemerlang ini atau dikenali sebagai sekolah kluster akan diberi autonomi dalam bidang khusus supaya dapat menjadi *showcase* dalam negara dan peringkat antarabangsa. Melalui usaha ini, KPM berharap dapat mengharumkan nama Malaysia sebagai Pusat Kecemerlangan Pendidikan.

50. Pada tahun 2007, KPM telah memulakan langkah memperkenalkan dasar serta sistem sokongan bagi menjayakan agenda ini. Selain penubuhan Sektor Sekolah Kluster di Bahagian Sekolah, sebuah Jawatankuasa Panel Penasihat yang terdiri daripada ahli-ahli panel yang pakar dalam pelbagai bidang telah ditubuhkan dan dipengerusikan oleh mantan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Y. Bhg. Tan Sri Datuk Wira Abdul Rahman Arshad. Jawatankuasa ini berperanan untuk memastikan pemilihan sekolah cemerlang dibuat secara telus dan mempunyai kredibiliti.

51. Sebanyak 30 buah sekolah cemerlang dalam kelompok masing-masing telah diumumkan dan bilangan ini akan ditambah kepada 300 buah sepanjang tempoh pelaksanaan PIPP. Bagi memantapkan kepimpinan di sekolah-sekolah ini, sebanyak 30 orang Pengetua dan Guru Besar telah mengikuti Kursus Kepimpinan yang dirancang khusus bagi program ini selama dua bulan mulai

November 2007 di *King's College*, London. Selain itu, sebanyak 19 orang Pengetua dan Guru Besar juga telah mengikuti program latihan kepimpinan di Universiti Monash di Australia. Sebanyak empat orang bekas Pengetua JUSA C pula telah dilantik sebagai perunding kanan untuk melatih dan memimpin pengetua serta guru besar sekolah di seluruh negara bagi meningkatkan kecemerlangan sekolah. Kerajaan juga telah meluluskan peruntukan khas sebanyak RM30 juta kepada sekolah-sekolah kluster bagi meningkatkan kecemerlangan dalam bidang kebitaraan masing-masing.

52. Dalam usaha meningkatkan kecemerlangan pendidikan Malaysia, agenda pengantarabangsaan sistem dan institusi pendidikan akan terus dipertingkatkan supaya sistem pendidikan Malaysia dijadikan penanda aras kepada negara-negara lain di rantau ASEAN dan negara-negara Pertubuhan Persidangan Islam (OIC). Sehingga kini, Malaysia telah mewujudkan kerjasama *bilateral* dan *multilateral* dengan Indonesia, Brunei, Singapura, Jordan, Guinea, Yaman, Kemboja, Maldives, Filipina, Iran, Vietnam, China dan Thailand serta negara-negara maju seperti Perancis, New Zealand, Australia, Kanada, Ireland dan Jerman. Malaysia juga telah mengadakan satu pameran sempena pencapaian 50 Tahun Kemerdekaan Malaysia dalam pendidikan di UNESCO, Paris pada April 2007.

53. Sehingga Disember 2007, KPM telah menjalin hubungan di bawah *Joint Working Group* dengan New Zealand, Brunei, Republik Rakyat China, Kemboja dan Indonesia dalam bidang pendidikan,

menganjur seminar dan persidangan antarabangsa seperti *International Conference on Teacher Education*, *International Conference on Smart School Education* dan menganjurkan *Executive Talk* dengan membawa pakar pendidikan dari luar negara.

54. KPM juga berusaha mendapatkan pengiktirafan dunia melalui amalan terbaik (*best practices*) dalam beberapa elemen pendidikan yang boleh dijadikan rujukan oleh negara sedang membangun. KPM menjalin persefahaman dengan Thailand untuk memantapkan sistem pendidikan Islam di Selatan Thailand dengan melatih 20 orang guru agama dan bahasa Inggeris serta menawarkan tempat kepada pelajar Islam Selatan Thailand di Sekolah Menengah Agama Persekutuan (SMAP) Labu dan SMAP Kajang.

55. Dalam aspek latihan, KPM telah melatih 105 orang guru Aceh di beberapa IPG mulai tahun 2006 dan program ini akan terus diperluaskan. Institut Aminuddin Baki telah menjalankan beberapa siri latihan kepimpinan dan pengurusan pendidikan serta pengurusan kurikulum kepada pengetua dan guru besar dari Maldives, Kemboja dan beberapa negara di rantau ASEAN, termasuk Negara-Negara G-15. Di samping itu, sekumpulan pelajar dari Universiti Regina, Saskatchewan, Kanada akan mengikuti program sandaran selama satu semester di IPG Pulau Pinang mulai bulan Januari 2008 ini.

56. Malaysia juga telah dipilih menjadi tuan rumah bagi Persidangan Majlis Pertubuhan Menteri-Menteri Pelajaran Asia Tenggara Ke-43 (SEAMEC) serta Mesyuarat Menteri-Menteri Pelajaran ASEAN Ke-3 (ASED) yang akan diadakan pada Mac 2008. Di samping itu, satu persidangan ICT yang melibatkan negara-negara ASEAN dan negara-negara luar lain juga akan diadakan semasa persidangan SEAMEC. Persidangan ICT tersebut akan menjadi *showcase* bagi memperkukuhkan inisiatif Kementerian Pelajaran untuk meletakkan pendidikan Malaysia di platform antarabangsa sebagai sebahagian daripada usaha melonjakkan kecemerlangan institusi pendidikan.

57. Pada masa yang sama, Malaysia juga telah dilantik menjadi tuan rumah kepada Kejohanan Dunia Cabaran Teknologi F1 yang akan diadakan semasa Grand Prix Formula 1 di Sepang. Segala perancangan yang telah dan akan dibuat dapat memperkukuh inisiatif Malaysia untuk meletakkan pendidikan Malaysia di platform antarabangsa.

58. Pada tahun 2007, Malaysia juga telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Indonesia, Thailand dan Singapura. MoU antara Malaysia dan Republik Indonesia, merangkumi usaha merangkaikan sekolah pemimpin-pemimpin tertinggi kedua-dua negara. Penerimaan MoU dalam bidang pendidikan dengan negara-negara luar ini merupakan usaha berterusan untuk membawa pendidikan Malaysia ke peringkat antarabangsa.

59. Pengiktirafan negara-negara luar terhadap sistem pendidikan Malaysia diperkukuhkan dengan pemilihan Menteri Pelajaran Malaysia sebagai Naib Presiden Pertubuhan Menteri-Menteri Pelajaran Asia Tenggara (SEAMEO) di Persidangan Majlis SEAMEO ke-42 (SEAMEC) pada bulan Mac 2007 di Bali, Indonesia. Pengiktirafan tersebut juga dibuktikan dengan kejayaan Malaysia mendapat undi tertinggi di kalangan negara-negara rantau Asia Pasifik bagi menduduki kerusi Lembaga Eksekutif UNESCO untuk tempoh empat tahun mulai 2008 hingga 2011 di Persidangan Agung UNESCO ke-34.

LAMPIRAN 1

SENARAI BANTUAN UNTUK TAHUN 2008

| BIL. | JENIS BANTUAN | PERUNTUKAN |
|-------------|--|-------------------|
| 1. | Tabung Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin | RM343 juta |
| 2. | Skim Bantuan Tuisyen | RM246.9 juta |
| 3. | Rancangan Makanan Tambahan | RM276 juta |
| 4. | Program Susu Sekolah | RM26.7 juta |
| 5. | Bantuan Makanan Asrama | RM1.4 billion |
| 6. | Bantuan Perjalanan dan Pengangkutan Murid | RM9.1 juta |
| 7. | Bantuan Buku Teks | RM300 juta |
| 8. | Pemansuhan Yuran Khas Sekolah | RM36.7 juta |
| 9. | Pemansuhan Yuran Peperiksaan | RM255 juta |

LAMPIRAN 2**PROGRAM RANCANGAN INTEGRASI MURID UNTUK
PERPADUAN (RIMUP) SEPERTI PADA OKTOBER 2007 BAGI
SEKOLAH RENDAH**

| BIL | KELOMPOK SEKOLAH RENDAH | JENIS SEKOLAH | JUMLAH KELOMPOK | JUMLAH SEKOLAH |
|---------------------|--|--------------------------|----------------------------|---------------------------|
| 1. | A | SK, SJK(C), SJK(T) | 304 | 912 |
| 2. | B | SK, SJK(C) | 927 | 1854 |
| 3. | C | SK, SJK(T) | 142 | 284 |
| 4. | D | SJK(C), SJK(T) | 14 | 28 |
| 5. | Konteks Sekolah Sendiri | - | - | 3873 |
| 6. | Konteks Sekolah Sendiri (SKM < 50 murid) | - | - | 612 |
| JUMLAH | | | 1,387 | 7,563 |
| JUMLAH MURID | | | 1,951,551 | |

LAMPIRAN 2A**PROGRAM RANCANGAN INTEGRASI MURID UNTUK
PERPADUAN (RIMUP) SEPERTI PADA OKTOBER 2007 BAGI
SEKOLAH MENENGAH**

| BIL | KELOMPOK SEKOLAH MENENGAH | JENIS SEKOLAH | JUMLAH KELOMPOK | JUMLAH SEKOLAH |
|---------------------|--|--------------------------|----------------------------|---------------------------|
| 1. | A | SMK | 457 | 914 |
| 2. | B | SMK, SMJK | 83 | 166 |
| 3. | Konteks Sekolah Sendiri | - | - | 896 |
| JUMLAH | | | 540 | 1976 |
| JUMLAH MURID | | | 1,569,460 | |

LAMPIRAN 3

PENEMPATAN SEMULA SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN CINA (SJKC) DAN SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN TAMIL (SJKT) PADA TAHUN 2007

1. Penempatan semula sembilan (9) Sekolah Jenis Kebangsaan Cina:
 - i) SJK(C) Keat Hwa (K), Alor Setar Kedah
 - ii) SJK(C) Thourbun, Kluang Johor
 - iii) SJK(C) Poi Lam, Ipoh Perak
 - iv) SJK(C) Eng Leng, Lumut Perak
 - v) SJK(C) Rasa, Hulu Selangor
 - vi) SJK(C) Yong Peng,
 - vii) SJK(C) Ladang Bradwell, Siliau Neger Sembilan
 - viii) SJK(C) Por Thay, Pulau Pinang
 - ix) SJK(C) Chung Hua, Selangor

2. Pembinaan dua (2) Sekolah Jenis Kebangsaan Cina baru:
 - i) SJK(C) Tun Tan Siew Sin, Puchong Selangor
 - ii) SJK(C) Kulai 2 Johor

3. Penempatan semula sebuah (1) Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil
 - i) SJK(T) Ladang Siliau Lukut

LAMPIRAN 4

BILANGAN KES SALAH LAKU MURID 2006 HINGGA 2007

| BIL. | JENIS SALAH LAKU | 2006 | | 2007 | | (+/-) |
|---------------------------|--------------------|--------------|-------------|--------------|-------------|--------------|
| | | BIL | % | BIL | % | % |
| 1. | Berunsur Jenayah | 8720 | 0.17 | 9618 | 0.18 | +0.01 |
| 2. | Berunsur Kelucahan | 1758 | 0.03 | 1675 | 0.03 | 0 |
| 3. | Kurang Sopan | 16476 | 0.32 | 16140 | 0.31 | -0.01 |
| 4. | Laku Musnah | 2229 | 0.04 | 1759 | 0.03 | -0.01 |
| 5. | Kekemasan Diri | 16096 | 0.31 | 12811 | 0.25 | -0.06 |
| 6. | Ponteng Sekolah | 11495 | 0.22 | 10461 | 0.20 | -0.02 |
| 7. | Kenakalan | 9752 | 0.19 | 6546 | 0.13 | -0.08 |
| JUMLAH KESELURUHAN | | 66528 | 1.28 | 59000 | 1.13 | -0.15 |

LAMPIRAN 4A**BILANGAN MURID YANG DIKENAKAN HUKUMAN BERAT**

| BIL. | JENIS HUKUMAN | 2006 | | 2007 | |
|---------------------------|----------------------|-------------|------------|-------------|------------|
| | | BIL | % | BIL | % |
| 1. | Gantung Sekolah | 266 | 0.4 | 47 | 0.08 |
| 2. | Buang Sekolah | 133 | 0.2 | 2 | 0.003 |
| 3. | Rotan | 931 | 1.4 | 236 | 0.4 |
| JUMLAH KESELURUHAN | | 1330 | 2.0 | 285 | 0.5 |

LAMPIRAN 5

PROGRAM BAHASA INGGERIS UNTUK PENINGKATAN KEMAHIRAN DAN PENGUASAAN MURID DAN GURU

- 1.0 Program Bahasa Inggeris Pada Peringkat Sekolah Rendah.
 - 1.1 Program Bacaan Sekolah Rendah
 - Program Bacaan Awal Berstruktur
 - Program Bacaan Ekstensif dan Sastera Kontemporari Kanak-Kanak Sekolah Rendah Kebangsaan dan Jenis Kebangsaan.
 - 1.2 Program *Early Literacy through English* (ELiTE)
 - 1.3 Program Penutur Jati (DELC) yang diperkenalkan dalam tahun 2002 untuk menggerakkan pelbagai aktiviti Bahasa Inggeris di peringkat daerah. Program ini mendedahkan guru kepada kaedah P&P Bahasa Inggeris, teknik membina bahan P&P serta cara bagi meningkatkan motivasi murid mempelajari Bahasa Inggeris .
- 2.0 Program Bahasa Inggeris Pada Peringkat Sekolah Menengah'
 - 2.1 The Teaching of Speaking – memberi penekanan kepada kemahiran bertutur serta memberi keyakinan kepada murid dalam penggunaan Bahasa Inggeris
 - 2.2 Program *Literature in English* untuk guru iaitu diberi pendedahan tentang teknik P&P sastera Bahasa Inggeris elektif.
 - 2.3 Kursus P&P English for Science and Technology untuk memberi pendedahan kepada guru tentang strategi dan teknik pengajaran.
 - 2.4 Program Teaching Courseware di sekolah rendah dan menengah. Perisian ini membantu guru menggunakan ICT dalam P&P Bahasa Inggeris berbantuan multimedia.

PENYERTAAN MALAYSIA PERINGKAT ANTARABANGSA

1. Program Kurikulum

- i) Kejohanan Dunia Cabaran Teknologi F1 di Australia
- ii) International Science and Engineering Fair (ISEF) di Amerika Syarikat
- iii) International Chemistry Olympiad (IChO) di Korea
- iv) International Mathematics Olympiad (IMO) di Greece
- v) World Robotics Olympiad (WRO) di China
(Meraih satu Pingat Emas, satu Pingat Perak dan 10 Anugerah Cemerlang)

2. Pertandingan Kurikulum

- i) 11th World Primary Mathematics Contest
- ii) International Competition and Assessment For Schools (ICAS)
(Meraih Pingat Emas)

3 Sukan

- i) Sukan SEA di Korat, Thailand
(25 Pingat Emas, 19 Pingat Perak dan 39 Pingat Gangsa)
- ii) Dua pelajar Sekolah Sukan Bukit Jalil telah melepasi Ujian Kelayakan bagi mewakili Malaysia di Sukan Olimpik di Beijing 2008.